

REPORT OF THE PROCEEDINGS
OF THE SECOND LEGISLATIVE
ASSEMBLY, PENANG

2 ND SITTING OF THE
THIRD SESSION MONDAY
21 ST NOVEMBER, **1966**

KPP
328.595123
PEN



99712
①



21st November, 1966



PRESENT:

- Hon'ble Mr. Speaker (Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahmad, P.J.K.)
the Chief Minister (Tan Sri Wong Pow Nee, P.M.N.)
the Legal Adviser (Enche Ibrahim bin Abdul Manan)
the Member for Glugor (Enche Aziz Ibrahim, J.M.N., J.P.)
the Member for Muda (Tuan Haji Ismail bin Che Chik,
A.M.N., J.P.)
the Member for Sungei Bakap (Mr. Kee Yong Chin, J.P.)
the Member for Permatang Pauh (Enche Ariffin bin Shariff, P.J.K.)
the Member for Sungei Pinang (Mr. D.S. Ramanathan, J.P.)
the Member for Kelawei (Mr. Tan Khim Hoe, P.J.K.)
the Member for Dhoby Ghaut (Enche M.S.A. Zachariah)
the Member for Tanjong Bungah (Mr. Cheah Seng Khim, J.P.)
the Member for Kepala Batas (Tuan Haji Ahmad bin Haji
Abdullah, A.M.N.)
the Member for Bagan Ajam (Mr. Phee Joo Teik, P.J.K.)
the Member for Nibong Tebal (Tuan Haji Sahid bin Hassan, P.J.K.)
the Member for Balik Pulau (Tuan Haji Ahmad bin Mohamed
Taib)
the Member for Tasek Glugor (Enche Ahmad bin Haji Jamil)
the Member for Butterworth (Mr. Williams David)
the Member for Bayan Lepas (Enche Ismail bin Hashim)
the Member for Kota (Dr. Lim Chong Eu)
the Member for Tanjong Barat (Mr. Teh Ewe Lim)
the Member for Tanjong Tengah (Mr. Teh Geok Kooi)
the Member for Tanjong Utara (Mr. Khoo Kay Por)
the Member for Tanjong Selatan (Mr. Khor Peng Seah)
the Member for Jelutong (Mr. Tan Hock Hin)

ABSENT

The Hon'ble the Member for Ayer Itam (Mr. Lim Kean Siew)

The Assembly resumes at 10.00 a.m.

Mr. Speaker: Kita sekarang berada di-dalam Rang Undang2 Perbekalan tahun (1967).

Committee.

The Bill is considered clause by clause and agreed to without amendment.

The Assembly resumes.

Third Reading.

Chief Minister: Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang2 Bekalan (1967) Negeri Pulau Pinang, Tahun 1966, telah pun dipertimbangkan sa-fasal demi sa-fasal di-dalam Jawatan-kuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu, saya mohon menhadangkan supaya Rang Undang2 ini di-bachakan bagi kali yang ketiga serta di-luluskan.

Question put and agreed to.

Bill accordingly read a third time and passed.

(C) THE EXECUTIVE COUNCIL (MEMBERS' REMUNERATION) (AMENDMENT) BILL, 1966.

First Reading.

Member for Glugor (Enche Aziz Ibrahim): Tuan Speaker, saya mohon menhadangkan supaya Rang Undang2 yang di-namakan 'Undang2 untuk meminda Undang2 Majlis Meshuarat Kerajaan (Bayaran Wang Ahli2) Tahun 1959' di-bachakan bagi kali yang pertama.

Member for Tasek Glugor (Enche Ahmad bin Haji Jamil). Tuan Speaker, saya menyokong.

Bill accordingly read a first time.

Member for Glugor (Enche Aziz Ibrahim): Tuan Speaker, saya

mohon menhadangkan supaya Peratoran2 Majlis Meshuarat digantungkan kuatkuasa-nya untuk sementara bagi membolohkan Rang Undang2 ini di-bawa ke dalam semua peringkat-nya di-dalam majlis meshuarat ini.

Member for Tasek Glugor (Enche Ahmad bin Haji Jamil): Tuan Speaker, saya menyokong.

Question put and agreed to.

Second Reading.

Member for Glugor (Enche Aziz Ibrahim): Tuan Speaker, saya mohon menhadangkan supaya Rang Undang2 yang di-namakan 'Undang2 untuk meminda Undang2 Majlis Meshuarat Kerajaan (Bayaran Wang Ahli2) Tahun 1959' di-bachakan bagi kali yang kedua.

Saya suka memberi tahu di-dalam Dewan ini dan saya perchaya Ahli2 Yang Berhormat tentu-lah sedar ia-itu di-dalam November, 1965, Dewan Ra'ayat telah meluluskan Undang2 Bayaran Wang Menteri2 Muda, Setia Usaha2 Parlimen (Pindaan) yang membenarkan faedah atas kemalangan diri sendiri kepada Menteri2, Menteri2 Muda dan Setia Usaha2 Parlimen, atau kepada orang2 tanggongannya, jika sekira-nya mereka mati di-sebabkan sa-suatu kemalangan semasa menjalankan tugas2 mereka. Dalam persidangan yang sama juga, Dewan Ra'ayat yang mendapat kechederaan dari kemalangan atau mati di-sebabkan kemalangan semasa menjalankan tugas2 mereka. Berikatan dengan lulus-nya Undang2 tersebut dan sekim oleh Dewan Ra'ayat, Majlis Meshuarat-nya yang di-adakan pada bulan April, 1966 telah bersetuju supaya Menteri2 Besar, Ketua2 Menteri dan Ahli2 Majlis Meshuarat Undangan Negeri.... (interrupted).

Mr. Speaker: Tuan Speaker, mana?

Member for Glugor (Enche Aziz Ibrahim): Ada masok — hendak-lah juga berhak mendapat faedah kematian atau kechahatan menurut kadar sa-imbang dengan yang di-luluskan untuk Menteri2 Kerajaan dan Ahli2 Dewan Ra'ayat. Undang2 ini hanya untuk meminta supaya di-dalam faedah2 kematian dan kechachatan untuk Ketua Menteri sahaja. Selepas itu, saya akan mengusulkan Undang2 rang lain bagi tujuan yang sama untuk lain2 Ahli dalam Dewan ini.

Bagi mengusulkan Undang2 yang ada ini, saya rasa ada-lah menjadi kewajipan saya untuk menerangkan, sebagai mana yang telah di-terangkan dahulu oleh Y.B. Menteri semasa mengusulkan Undang2 Persekutuan di-Dewan Ra'ayat,..... (interrupted).

Mr. Speaker: Menteri yang mana? Menteri ini banyak — sebutkan-lah Menteri mana.

Member for Glugor (Enche Aziz Ibrahim): Menteri yang berkenaan. Jadi dalam Dewan itu, Ketua Menteri dan Ahli2 Dewan Undangan Negeri terpaksa menjelajah dengan banyak-nya bagi menjalankan kewajipan mereka yang mana selalu di-dalam bahaya kemalangan; bertambah pula bila Negara di-tambah pula bila Negara di-dalam masa dzarurat, sa-umpama masa Konfrantasi Indonesia yang baharu ini (yang mana telah tamat) merbahaya kepada nyawa orang2 ternyata. Oleh kerana sebab2 ini-lah telah di-fikir perlu supaya faedah2 kematian patut di-bayar kepada tanggong2 kepada sesiapa yang memegang jawatan Ketua Menteri. Begitu juga sedikit sebanyak bantuan wang patut di-bayar jika berlaku-nya kemalangan semasa ia menjalankan kewajipan-nya.

Undang2 ini menguntokkan bayaran faedah2, jika sekira-nya berlaku kematian, sebanyak \$175,000. Peruntukan ini ada-lah kurang 30% dari bayaran yang di-untokkan kepada sa-orang Menteri Persekutuan (\$250,000) dan ini di-bandingkan dengan gaji Ketua Menteri lebeh kurang rendah 30% dari gaji sa-orang Menteri Persekutuan. Kadar ini dan kadar2 yang berikut bagi faedah kechachatan telah pun di-persetujui oleh Majlis kewangan Kebangsaan bagi menyamakan dengan lain2 negeri di-dalam Malaysia.

Sebalek-nya, bayaran bagi faedah luka bergantung atas kadar luka yang di-dapati. Bagi kehilangan 2 atau lebeh anggota badan atau buta kedua2 belah mata sebanyak \$350,000 akan di-bayar. Bagi kehilangan satu anggota atau buta satu mata sahaja, sebanyak \$175,000 akan di-bayar. Bagi lain2 luka yang menyebabkan chachat selama2-nya sa-hingga tidak membolehkan ia membuat apa pekerjaan, sebanyak \$350,000 akan di-bayar, Peruntukan ada-lah di-buat untuk membayar sa-bahagian daripada peratus \$350,000 bagi sa-bahagian luka yang kekal yang mana bayaran-nya akan ditentukan oleh Lembaga Kesihatan.

Undang2 ini mempunyai satu cheraian ia-itu apabila faedah2 di-bayar menurut sebarang sekim yang di-jalankan oleh Kerajaan Pusat, penerima2 akan hanya berhak memilih kepada satu faedah sahaja. Ini ia-lah menentukan ia-itu bagi kemalangan yang sama supaya tidak di-bayar dua kali.

Jadi Tuan Speaker, saya mohon mengusulkan.

Member for Tasek Glugor (Enche Ahmad bin Haji Jamil): Tuan Speaker, saya menyokong.

Member for Tanjong Selatan (Mr. Khor Peng Seah): Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran kami Rang Undang2 ini adalalah tidak mustahak dan tidak perlu sama sekali. Semua orang bersetuju bahawa wang Kerajaan adalalah hasil titek peloh ra'ayat, dan Kerajaan patut berjimat dan memperbelanjakan wang ra'ayat untuk orang ramai dalam perkara2 yang terpenting — tetapi bukanlah seperti Kerajaan yang ada sekarang ini yang selalu memikirkan bagaimana memperbaiki kehidupan diri sendiri supaya ia hidup lebih mewah, lebih seronok daripada rakyat. Kerajaan tidak begitu mengambil berat kepada ra'ayat yang sedang ada di-dalam kelaparan. Ada pula menyatakan ini perkara biasa — ia biasa di-dalam Negeri Kapitalist tetapi bukan di-dalam Negeri Sosialist. Kami berpendapat bahawa sekiranya Y. A. B. Ketua Menteri atau sesiapa pun di-antara kita takut di-timpa kemalangan, ia lebih baik masuk 'life insurance' sa-banyak2 yang boleh supaya ia dapat pembayaran yang banyak sekiranya di-timpa kemalangan. Kerajaan Negeri ini bukanlah sebuah agent insurance. Janganlah buat Kerajaan Negeri sebagai sebuah sharikat agen insurance. Kerana itu, kami menentang Rang Undang2 ini.

Member for Kota (Dr. Lim Chong Eu): Mr. Speaker, Sir, my Party would abstain in either of the two Bills.

The only observation we want to make is that this is a Bill which is a continuation of a Bill that was introduced in Parliament. The only thing we feel sorry about is the manner whereby the Government has considered it necessary to weigh our Chief Minister as less valuable than a Minister of the Central Government, because quite frankly I think there are many Ministers in the

Central Government, but there is only one Chief Minister of a State. And in our particular State the burden of the Chief Minister is very great. I therefore feel that the provision for the amount of compensation with regard to the Chief Minister should at least be brought at the same level as that of the Ministers of the Central Government. I am not trying to pay any particular tribute to the present Chief Minister; but I am talking in terms of the relation of the work done by the Chief Minister of our State — any Chief Minister. And the very fact that the present incumbent himself has carried a lot of weight should further indicate the importance of my argument.

The other point on which I want clarification from the Member who moved this Motion is how the State Government intends to meet these insurance expenses, and which particular Insurance Company will carry this insurance; or whether the State Government will have some liaison with the Central Government, and make the insurance in the same basis as the Central Government. I think the Central Government has got a special scheme whereby the premia are paid on a very, very low basis.

Sir, apropos what I said earlier I notice that some other Councils — I think the Perak State Council and the Ipoh Town Council — have also begun to provide for insurance of members of the Council which seems to aggrandize themselves. And I feel that there should be a proper balance. Seeing that this is a follow-up of a matter which was passed by the majority of the Alliance Government, I only suggest we should follow the standard set up by the Alliance Government. The Chief Minister should have the same recompense as a Minister

of the Central Government. I think the observation made by the Honourable Member for Tanjong Selatan is a little bit unfair because as far as I remember the Member for Bachok, the late Zulkiflee, was also one of the early Members who received compensation from this. As a matter of fact, when he died in a motor-car accident there was no such provision. And the Alliance Government — and there are many things the Alliance Government does which we do not quite agree with — in this particular instance looks after the interest of the Members on their own benches. This is a general provision, in view of the fact that modern transport facilities always incur a certain amount of danger.

Further, the one point which struck me when the Bill was originally moved in Parliament, which I would like to bring up now, is that the Honourable the Minister for Transport has made a very strong plea for more careful driving, and for safety devices; and I hope that a certain kind of provision could be put in this Bill whereby Members who want to take risks unnecessarily when they gad about, and not take the necessary precautions, should not be entitled to the same degree of compensation. For example, nothing could prevent a new Councillor, or even some old Councillors, from going around in sports cars beyond limits specified, whether in the course of duty or otherwise, or in a state when they should not be driving motor-cars. And they meet with accidents. I feel that there should be some kind of qualifying clause where the accident is really an accident, and not due to negligence. Negligence on the part of the person concerned should in actual fact be a disqualifying factor.

These are the only observations I would like to make. And my

Party will not participate in that particular Bill.

Member for Permatang Pau (Enche Ariffin bin Shariff): Tuan Speaker, masa mengemukakan Rang Undang2, tadi, saya merasai Y. A. B. Ketua Menteri sedap dengar pun ada, gerun pun ada, kerana dalam mengemukakan Rang Undang2 tadi ada menyatakan mati. Saya rasa Y.A.B. sendiri belum bersetuju lagi hendak mati — apa lagi mati kemalangan sebagaimana yang di-sebut dalam Undang2. Buta sebelah, hilang kaki sebelah dan sebagai-nya saya rasa bukan sahaja Y.A.B. Ketua Menteri sahaja tidak bersetuju, harus kita dalam Dewan ini pun kurang bersetuju. Ini saya kata kurang berapa bersetuju kerana kalau hendak datang misti datang, mati misti mati — tetapi biarlah nak mati itu, tahan sedikit — tetapi janganlah mati lagi. Apa yang perlu saya jawab kepada Ahli Kawasan Tanjong Selatan — kena apa Ahli Tanjong Barat sentiasa chari chelah sahaja untuk mengeritik. Kalau pun dia anggap perlu dan tidak baik, ada sahaja-lah charanya untuk menghantam kembali dan menchari jalan yang tidak baik. Dalam perkara ini ia menyatakan bahawa kita selalu memikirkan orang2 yang kaya2 sahaja. Rang Undang2 ini tidak-lah di-tujukan kepada orang2 kaya tetapi di-tujukan kepada Ketua Menteri — sesiapa sahaja bakal menjadi Ketua Menteri biar pun kaya atau pun miskin. Ketua Menteri sekarang saya tidak tahu kaya atau tidak — setahu saya boleh tahan, begitu sahaja, tak payahlah chakap miskin. Kemudian di-buat2-lah pula soal penganggoran di-dalam masa'alah ini. Mengikut keterangan Negeri2 Kapitalist sahaja penganggoran itu banyak berlaku. Saya belum tahu kerana saya belum pernah melawat ka-sebarang Negeri Kapitalist. Tetapi tidak elok-lah sekiranya di-nama-

kan Kapitalist seperti mereka dengan menyebut Negeri Socialist, Socialist mana saya tidak tahu-lah — Socialist Peking-kah Socialist Moscow-kah. Tetapi saya rasa biar-lah saudara Socialist sendiri melawat ka-negeri socialist, socialist mana — itu terpulang-lah kepada saudara sendiri. Ada orang2 melaporan ada orang2 yang mati di-jalan2 raya tetapi dapat-kah ia menyebutkan sa-buah negara socialist seperti yang saya sebutkan tadi? Orang2 ada mati di-jalan2 raya, yang mati di-jalan2 raya di-negeri socialist di-Asia ini.

Ia menyatakan Rang Undang2 ini tidak perlu. Saya sekarang minta tegasan dengan sejelas2-nya sekira-nya Usul ini tidak diterima, sa-buah Rang Undang2 akan di-kemukakan, ya'itu sa-buah Rang Undang2 yang memberi berbagai2 kapada Ahli2 Dewan Perundangan, termasuk Ahli Tanjong Selatan, termasuk Ahli Jelutong, sungguh pun Jelutong tak kata saya. Tetapi, saya menchabar Ahli Tanjong Selatan supaya mengemukakan atau memberi satu jaminan kepada Dewan ini apakala Rang Undang2 ini di-luluskan, bahawa Ahli Tanjong Selatan tidak rela menerima menerima Usul ini. Itu-lah permintaan saya. Sudi apa-lah jua di-buat demikian manakala Usul ini di-kemukakan kelak.

Member for Bagan Ajam (Mr. Phee Joo Teik): Mr. Speaker, Sir on a point of clarification, may I know from the honourable mover of the Motion: In the Bill I seem to see the word 'accident', so I wish to have clarification whether when you say 'accident' does it include R. C. C.—riots and civil commotion.

Member for Glugor (Enche Aziz Ibrahim): Mr. Speaker, Sir, 'accident' covers all types of accident. It is a general accident.

Member for Bagan Ajam (Mr. Phee Joo Teik): Mr. Speaker, Sir in riots or civil commotion which takes place it is not by accident; so that is not an accident at all. So I would like clarification on that. When you mention the word 'accident' in the Bill, does that cover R.C.C. — riots and civil commotion?

Chief Minister: Tuan Speaker saya minta Dewan ini di-tangguh dua minit untuk mendapat L.A.

The Assembly adjourns at 11.47 a.m.

The Assembly resumes at 12.03 p.m.

Member for Glugor (Enche Aziz Ibrahim): Tuan Speaker, saya minta L. A., Penasehat Undang2 memberi keterangan sama ada Ahli Kawasan Bagan Ajam..... (interrupted).

Legal Adviser: Tuan Yang di-Pertua, apa soalan-nya?

Mr. Speaker: Di-dalam bilek ini tidak di-sebut perkataan 'accident'.

Member for Bagan Ajam (Mr. Phee Joo Teik): Excuse me, Mr. Speaker, Sir. What I was trying to say was that in the Bill you defined in the Schedule an inquiry sustained in an accident; and further on about death caused by accident. I want clarification, Mr. Speaker, Sir, whether the word 'accident' covers riots and civil commotion.

Legal Adviser: Mengikut Rang Undang2 ini, jadi 'accident' dalam bahasa Inggeris — 'where death is caused by injury sustained in an accident occurring in the course of any attributable to the discharge of his duty'; jadi accident dalam bahasa Kebangsaan ini mendapat bayaran-nya ia-lah accident yang

berlaku di-dalam satu kemalangan semasa menjalankan tugas2 sebagai Ketua Menteri. Jadi, sekira-nya kemalangan itu tidak kena-mengena dengan tugas Ketua Menteri, tidak-lah dapat di-bayar. Berkenaan dengan civil commotion ini, susah-lah saya hendak jawab dengan umum-nya, fasal tiap2 satu 'case' itu akan di-timbangkan sebagaimana di-chadangkan.

Mr. Speaker: On its merits.

Legal Adviser: On its merits.

Member for Bagan Ajam (Mr. Phee Joo Teik): Mr. Speaker, Sir, I was feeling that since we are going to provide this privilege to members of the Executive Council I would rather suggest that we include riots and civil commotion there — injury or death caused in riots and civil commotion.

Chief Minister: Tuan Speaker, in other words, may I seek your clarification. The Honourable Member for Bagan Ajam would like to have a clearer definition of the word 'accident' — 'Accident' includes (1). (2). (3). (4). (5). Does he mean that?

Legal Adviser: Tuan Speaker, rasa saya kalau kita hendak chuba menyebutkan satu persatu apa 'accident' itu, rasa saya terlampau susah. Ada perkara yang kita tidak dapat fikirkan hari ini, yang akan berlaku. Saya rasa dan perchaya kalau kita membuat satu persatu, tidak meliputi semua sekali apa yang akan berlaku; macham 'civil commotion' ada banyak, boleh jadi berlaku 'civil commotion' dan oleh sebab Ketua Menteri ada-di-sini menjalankan tugas Ketua Menteri ia dapat kemalangan; kalau bukan kerana itu saya fikir tentu-lah ia tidak boleh dapat bayaran itu. Se-balek-nya pula, ada berlaku, boleh jadi kemalangan yang di-dapati oleh Ketua Menteri bersangkutan

dengan pekerjaan atau tugas, Ketua Menteri itu akan mendapat bayaran yang di-chadangkan dalam Rang Undang2 ini. Jadi pokok menentukan mana 'accident', adakah 'accident' itu satu kemalangan masa menjalankan tugas sebagai orang awam bebas atau sebagai Ketua Menteri. Daripada huraian itu kita akan dapatkan sama ada dalam sa-suatu perkara ini bayaran ini akan di-bayar atau pun tidak.

Member for Glugor (Enche Aziz Ibrahim): Tuan Speaker, Sir, I hope the Member for Tanjong Selatan who opposed the Bill will now understand the reasons and objects of this Bill which I clearly stated. And clarification has been given to the points he was worried about. According to him the work of an elected Member of Council is also the same as the work that the Chief Minister is doing. I would like him to understand that the Chief Minister of the State, same like us, is elected; but his responsibility is so great that wherever he moves, wherever he goes, even in his office, even going down lifts and going up lifts, and wherever he be, or wherever he goes on any function, attending to Government work — he is everywhere — there may be accidents, which we hope will not happen. This type of thing can happen to anybody in the post of Chief Minister, a Minister of the State or the Prime Minister. We have seen this happen in many parts of the world. We are very lucky that Malaya has not come to that. In many parts of the world we see politicians being entangled in many difficult problems such as riots, ambushes and many other things that have happened. So therefore we think it is proper to safeguard the Chief Minister. And also in the next Bill for Members of the State Assembly, including Members of the Government, for

this type of compensation, provision can be made through a scheme where Government will plan an insurance scheme so that our Members, including the Chief Minister, can be taken care of, where the next-of-kin or the families are being given compensation of this type, money of this type, so that they can carry on after the death of the particular person.

Regarding the Member for Kota's comments, I hope we all will agree to this Bill. He suggested an insurance scheme. Certainly this will be done, because at Federal level they have planned a scheme. And I am sure the Penang State Government, when the Bill is approved, will sit down and put our heads together and plan this type of insurance scheme to cover the Chief Minister, and also the Members of the Council, when we have the next Bill. The other points have been clarified legally by the Legal Adviser — the question put up by the Member for Bagan Ajam. 'Accident' has a very wide meaning. But each one will be determined on the merits of the case when death happens. And that will be clarified by Government when this thing happens. So, Mr. Speaker, that is all I have got to comment; and so I hope that this Bill will be approved in this Assembly.

Question put and agreed to.
Bill accordingly read a second time.

Committee.

The Assembly resolves itself into Committee.

The Bill is considered clause by clause and agreed to without amendment.

The Assembly resumes.

Third Reading.

Member for Glugor (Enche Azizi Ibrahim): Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang2 Majlis Meshuarat Kerajaan (Bayaran Wang Ahli2) (Pindaan) Tahun 1966, telah pun di-pertimbangkan sa-fasal demi sa-fasal di dalam Jawatankuasa dan telah di-persetujui tanpa pindaan. Oleh itu, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang2 ini sekarang di-bachakan bagi kali yang ketiga serta di-luluskan.

Member for Tasek Glugor (Enche Ahmad bin Haji Jamil): Tuan Speaker, saya menyokong.

Question put and agreed to.

Bill accordingly read a third time and passed.

(D) THE LEGISLATIVE ASSEMBLY (MEMBERS' REMUNERATION) (AMENDMENT) BILL, 1966.

First Reading.

Chief Minister: Tuan Speaker, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang2 yang di-namakan 'Undang2 untuk meminda Undang2 Dewan Undangan Negeri (Bayaran Wang Ahli2) Tahun 1959' di-bachakan bagi kali yang pertama.

Member for Bagan Ajam (Mr. Phee Joo Teik): Tuan Speaker, saya menyokong.

Bill accordingly read a first time.

Chief Minister: Tuan Speaker, saya mohon menchadangkan supaya Peratoran2 Majlis Meshuarat di-gantungkan kuatkuasa-nya untuk sementara bagi membolehkan Rang Undang2 ini di-bawa dalam semua perengkat-nya di-dalam majlis meshuarat ini.

Member for Bagan Ajam (Mr. Phee Joo Teik): Tuan Speaker, saya menyokong.

Question put and agreed to.

Second Reading.

Chief Minister: Tuan Speaker, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang2 yang di-namakan 'Undang2 untuk meminda Undang2 Dewan Undangan Negeri (Bayaran Wang Ahli2) Tahun 1959' di-bachakan bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang2 ini adalah untuk membolehkan Ahli2 Dewan Majlis Undangan menuntut faedah apabila berlaku-nya apa2 kemalangan semasa menjalankan tugas2 mereka. Juga ia membolehkan faedah kematian di-bayar kepada orang2 tanggungan mereka atau wakil diri mereka yang sah jika sekira-nya kemalangan seperti itu menyebabkan mereka mati. Sebab2 mengapa bayaran faedah chachat anggota dan kematian patut di-beri kepada Ahli Dewan Undangan Negeri adalah sama sahaja dengan sebab2 mengapa bayaran faedah yang serupa itu patut di-beri kepada Ketua Menteri yang mana telah pun diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Glugor apabila ia menchadangkan rang undang2 yang di-namakan "Undang2 untuk meminda Undang2 Majlis Meshuarat Kerajaan (Bayaran kepada Ahli2) Tahun 1959". Yang berlainan ialah mengenai kadar bayaran faedah itu sahaja. Oleh yang demikian saya tidak-lah berchadang hendak mengambil masa Majlis yang berharga ini dengan mengeluarkan sebab2 itu sekali lagi, chuma perlu saya jelaskan bahawa seperti mana kadar2 faedah2 kepada Ketua Menteri adalah saimbang dengan faedah2 yang serupa yang di-bavarkan kepada Menteri2, kadar2 faedah Menteri2

Persekutuan mengikut gaji mereka masing2, begitu-lah juga kadar2 faedah2 untuk Ahli2 Dewan Undangan Negeri ada-lah saimbang dengan faedah2 yang serupa bagi Ahli2 Dewan Ra'ayat. Dalam lain perkataan, kadar untuk Ahli2 Dewan Negeri ia-lah dua per tiga dari faedah2 bagi Ahli2 Dewan Ra'ayat. Dengan itu, bagi Ahli2 Dewan Negeri kadar kematian-nya ia-lah \$40,000, manakala bagi Ahli2 Dewan Ra'ayat pula kadar-nya ia-lah \$60,000. Kadar bagi chachat anggota langsung dan sementara ada-lah juga di-kira mengikut dasar yang sama.

Tuan Speaker, saya mohon menchadang.

Member for Bagan Ajam (Enche Phee Joo Teik): Tuan Speaker, I beg to second.

Member for Jelutong (Mr. Tan Hock Hin): Tuan Speaker, kami berpendapat Ahli2 Dewan Undangan ada-lah wakil yang di-pilih oleh ra'ayat dan berkhidmat untuk kepentingan ra'ayat ada-lah di-wajibkan kepada mereka. Mereka tidak harus menganggap mereka itu lebeh mewah daripada orang2 lain. Mereka2 tidak harus menggunakan wang ra'ayat untuk kepentingan mereka sendiri. Setiap orang ada kemungkinan di-tinpa kemalangan, tetapi menjadi sa-orang wakil ra'ayat bukan-lah berma'ana mereka mungkin di-tinpa kemalangan, melainkan orang itu telah membuat banyak kejahatan terhadap ra'ayat. Jika sesiapa yang takut kepada kematian atau di-tinpa kemalangan, maka saya bersetuju dengan pendapat rakan saya ya'itu mereka boleh beli insurance daripada Insurance Company, buat apa menggunakan wang ra'ayat untuk membeli insurance. kerana Kerajaan bukan-lah agent insurance. Nampak-nya Rang Undang2 ini mahu memberi sesuatu jaminan kepada Ahli2 De-

wan Undangan. Tetapi pada hari yang di-bawah pemerantahan yang tidak demokratik, yang di-bawa oleh Kerajaan British, hak asassi ra'ayat tidak terjamin dan hak asassi wakil ra'ayat pun telah dirampas, tidak terjamin. Banyak Ahli Dewan Negeri, Dewan Ra'ayat dan Ahli2 Majlis telah di-tangkap kerana mereka menentang dasar Kerajaan Perikatan. Tuan Yang di-Pertua, jaminan kebebasan bagi sa-sa-orang ada-lah penting sekali jika di-banding dengan jaminan lain, jika kebebasan Ahli2 Dewan Negeri, Dewan Ra'ayat atau Majlis Dewan Ra'ayat, atau Dewan Majlis Undangan Negeri.....

Mr. Speaker: Saya nak minta suatu keterangan. Jaminan kebebasan itu apa kena mengena dengan Rang Undang2 ini?

Member for Jelutong (Mr. Tan Hock Hin): Kalau di-banding. Tuan Yang di-Pertua dengan Bil yang siap, Rang Undang2 ini mahu beri satu jaminan kepada Ahli2 Dewan ini.

Mr. Speaker: Jaminan untuk bayar wang sahaja, lebeh daripada itu tidak ada!

Member for Jelutong (Mr. Tan Hock Hin): Ia. Sebab di-sangka ini, jaminan untuk kebebasan sudah tidak ada. Maka jaminan lain seperti jaminan wang itu tidak berma'ana, tidak perlu. Sebab itu, kami merasai Rang Undang2 ini tidak berma'ana dan tidak perlu.

Member for Permatang Pauh (Enche Ariffin bin Shariff): Saya ingin mendapat penjelasan dari Ahli Tanjong Selatan.

Member for Tanjong Selatan (Mr. Khor Peng Seah): Tuan Yang di-Pertua, saya juga membangkang Rang Undang2 ini dan Ahli Permatang Pauh. Sekira-nya Ahli Yang Berhormat panggil saya

menjamin supaya saya tidak mahu terima faedah itu, saya terima. Tetapi, saya harap Ahli dari Permatang Pauh itu jangan panggil saya jamin, kerana dia orang yang chepat sekali mendapat faedah ini.

Member for Permatang Pauh (Enche Ariffin bin Shariff): Tuan Speaker, saya rasa masa mualah hendak mengemukakan Rang Undang2 ini, harus tidak ada alasan —tidak ada juga bangkangan yang di-terima yang saya rasa bangkangan itu elok2 sahaja. Barangkali dengan bangkangan ini haruslah orang2 di-kawasan Jelutong dan Ahli kawasan-nya sendiri menganggap bahawa orang2-nya benar2 jujur sehinggalah wang untuk di-untakkan pada-nya juga di-tolak. Tetapi tidak-lah sama kata-hati dan kata-mulut itu. Saya perchaya itu tidak sama apa yang di-keluar dari mulut dan kata surat-nya.

Berkenaan dengan kemalangan makin bertambah atau pun tidak dalam Negeri ini saya rasa itu ada-lah terpulang kepada Parti Buroh sendiri, kerana boleh jadi kemalangan menimpa, ini ada-lah di-perbuat oleh diri sendiri — kerana mereka ini selalu benar mengadakan tunjok-perasaan dan sebagai-nya. Hasil tunjok-perasaan dan melontar di-tengah jalan ini-lah kemalangan. Boleh jadi jika pada ketika itu kalau-lah sa-orang wakil ra'ayat, juga termasuk Ahli Tanjong Selatan, boleh jadi boleh mendapat kemalangan dengan begitu segera sekali. Ahli kawasan Jelutong juga telah menyatakan bahawa kita tidak ada demokratis kerana pehak ahli2-nya banyak kena tangkap dan sebagai-nya. Itu saya rasa tidak-lah ada langsung menyatakan dengan terang kita tidak ada demokratik. Di-mana sahaja Negeri2 yang kita akui demokratik, seperti di-dalam istilah2 — kalau Ahli Jelutong fikir negeri demokratik mana-kah ti-

ada manusia di-dalam penjara? Kalau ia hendak menentang, membangkang Usul ini, saya rasa penjara di-sini lebeh hebat, bangkali kalau tidak ada penjara, kemah pun lebeh menarek lagi daripada penjara2 di-negara2 lain.

Hak asassi seperti yang di-sebutkan oleh Ahli Jelutong, saya merasai hak asassi ini memberi satu masa'alalah yang sa-benar2-nya. Hak asassi dalam istilah apa-kah yang menyatakan bahawa Kerajaan ini tidak ada mempunyai hak asassi dengan alasan menentang Kerajaan. Saya rasa segera ini langsung tidak menentang Kerajaan Persekutuan dan saya rasa negeri ini tidak pernah memasoki sesiapa di-dalam penjara dengan alasan menentang Kerajaan. Kami tahu benar2 bahawa Ahli Tanjong Selatan dan Jelutong ada-lah menentang Kerajaan Perikatan dengan kuat hari ini, maseh boleh datang ke-Dewan ini dengan bebas-nya dan juga kadang2 di-panggil yang terhormat. Ini bukan hak asassi sama-nya? Tentang soalan kawan2 saudara di-tangkap itu soal sendiri2 — di-negeri mana juga ada atoran dan peratoran hidup-nya. Kita mempunyai atoran dan peratoran hidup yang tersendiri — kalau pun hendak di-beri hak asassi kepada ma'anusia itu perlu peratoran juga. Kalau kita memberi hak asassi, bagaimana sebaik di-buat, itu soalan lain. Kita tidak mahu Ahli2 membiarkan umum sebarang masa'alalah yang tidak di-sebutkan oleh Undang2 kerana itu ada-lah salah. Ahli2 parti tuan harus di-tangkap kerana melakukan kesalahan2 dan ini telah di-chadangkan, tidak-lah dengan kerana menentang Kerajaan. Sebagai yang saya kata tadi, kami sangka benar bahawa Ahli dari Tanjong Selatan dan Jelutong ada-lah menentang Kerajaan dengan kuat tetapi, kami tidak tangkap dan saya memberi jaminan bahawa

dengan menentang Kerajaan Perikatan, kami tidak akan menangkap saudara2, harus kami akan jemput ke-Dewan ini berkali2.

Chief Minister: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulangkan ucapan daripada Ahli Y.B. dari Jelutong dan juga Ahli Y.B. dari Tanjong Selatan yang mengatakan wang dalam Undang2 ini ia-lah wang ra'ayat. Kalau begitu, tidak patut kita menerima wang daripada Undang2 ini. Jikalau ada-lah menerima bayaran alaun daripada Undang2 ini—jikalau ada, patutlah memberi balek, jangan tangan kanan tidak mahu, tangan kiri terek.

Member for Jelutong (Mr. Tan Hock Hin): Tuan Yang di-Pertua, satu penjelasan. Jika menerima elaun2, kami bagi pehak kami sedia menolak itu elaun.

Member for Kepala Batas (Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Biar-lah saya jawab. Saya juga sa-orang Ahli, kalau tuan hendak buat baik, tuan buat dahulu, biar saya ikut.

Chief Minister: Tuan Yang di-Pertua, soal ini tidak bangkit di-sa-belah sini, tidak di-tolak. Ini ada-lah Usul Kerajaan—kalau Ahli Yang Berhormat ini bersetuju, kalau begitu jangan-lah menerima.

Question put and agreed to.

Bill accordingly read a second time.

Committee.

The Assembly resolves itself into Committee.

The Bill is considered clause by clause and agreed to without amendment.

The Assembly resumes.

Third Reading.

Chief Minister: Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang2 Dewan Undangan Negeri (Bayaran Wang Ahli2) (Pindaan) Tahun 1966, telah pun di-pertimbangkan sa-fasal demi sa-fasal di-dalam Jawatan-kuasa, dan telah di-persetujui tanpa pindaan. Oleh itu, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang2 ini sekarang di-bachakan bagi kali yang ketiga serta di-luluskan.

Member for Bagan Ajam (Mr. Phee Joo Teik): Tuan Speaker, I beg to second.

Question put and agreed to.

Bill accordingly read a third time and passed.

(E) THE LOAN (LOW COST HOUSING SCHEMES) (AMENDMENT) BILL, 1966.

First Reading.

Member for Dhoby Ghaut (Enche M. S. A. Zachariah): Tuan Speaker, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang2 yang di-namakan 'Undang2 untuk meminda Undang2 Pinjaman (Ranchangan Perumahan Murah) Tahun 1961' di-bachakan bagi kali yang pertama.

Member for Nibong Tebal (Tuan Haji Sahid bin Hassan): Tuan Speaker, saya menyokong.

Bill accordingly read a first time.

Member for Dhoby Ghaut (Enche M. S. A. Zachariah): Tuan Speaker, saya mohon menchadangkan supaya Peratoran2 Majlis Meshuarat di-gantungkan kuatkuasanya untuk sementara bagi mem-

bolehkan Rang Undang2 ini bawa dalam semua perengkatnya di-dalam majlis meshuarat ini.

Member for Nibong Tebal (Tuan Haji Sahid bin Hassan): Tuan Speaker, saya menyokong.

Question put and agreed to.

Second Reading.

Member for Dhoby Ghaut (Enche M. S. A. Zachariah): Tuan Speaker, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang2 yang di-namakan 'Rang Undang2 Pinjaman (Ranchangan Perumahan Murah) Tahun 1961' di-bachakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bangun untuk meminta satu pindaan kepada Undang2 Pinjaman (Ranchangan Perumahan Murah) tahun 1961 untuk membolehkan Kerajaan Negeri meminjam lebih banyak wang lagi melaksanakan ranchangan2 perumahan murah. Undang2 yang ada sekarang ini membolehkan Kerajaan Negeri meminjam daripada Kerajaan Pusat berjumlah tidak lebih dari \$10,000,000. Kerajaan Negeri telah pun mendapat pinjaman daripada Kerajaan Pusat sa-banyak \$9,301,031 untuk membina sa-banyak 2,241 unit rumah murah. Sa-banyak 588 unit daripada ini telah pun siap dan di-duduki. Yang lebih ia-itu sa-banyak 1,172 unit sedang di-dalam pembinaan dengan berbentuk rumah2 pangsa yang mana akan siap pembinaan-nya sa-belum akhir tahun 1968. Satu lagi ranchangan perumahan di-Jalan Chain Ferry, Butterworth, yang mana sangat2 perlu, oleh kerana penduduk2-nya terpaksa di-pindah untuk membaiki jalan yang sebok ini akan di-laksanakan tidak berapa lama lagi. Wang pinjaman sa-banyak \$1,862,674 telah pun di-luluskan oleh Kerajaan Pusat untuk Projek ini. Ranchangan ini

akan mengandungi 5 blok, 3 tingkat, tiap2 satu blok rumah2 pangsa ini mengandungi 480 unit. Se-pada keperluan bagi penyiasatan tanah untuk ranchangan ini sedang berjalan dengan memuaskan dan ia-lah di-harap akan tamat pada akhir tahun ini. Pembinaan rumah2 pangsa ini akan di-mulai se-pas itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sebanyak 224 unit rumah2 murah di-jalan Kampong Melayu, Ayer Itam telah pun siap di-bina dan di-duduki. Sebagai tambahan, satu lagi blok rumah pangsa mengandungi 533 unit sedang di-bina; kerja2 menanam tiang (Piling work) untuk blok ini telah pun siap dan pembinaan-nya akan di-mulai sedikit hari lagi. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berchadang supaya satu lagi blok rumah pangsa di-kehendaki di-sini dan telah bersetuju untuk membina blok yang ke-dua dalam tahun 1967. Ada-lah di-taksirkan perbelanjaan sa-banyak \$2,350,000 untuk blok ini yang mana sebanyak \$500,000 akan di-belanjakan bagi pembinaan jalan2 raya, paip2 ayer dan lain2 perbelanjaan dan segala perbelanjaan ini tidak akan di-dapati balek dari membeli2 rumah pangsa ini. Kuasa meminjam yang belum di-guna menunjukkan tidak mencukupi untuk pinjaman sebanyak \$2,300,000 yang mana ada-lah di-taksirkan untuk perbelanjaan bagi binaan sahaja dan kerja2 Piling yang mesti di-se-lenggarakan sebelum itu. Oleh yang demikian ada-lah mustahak meminda Undang2 Pinjaman (Ranchangan Perumahan Murah) (Pindaan) tahun 1961. Undang2 ini meminta supaya kuasa meminjam sebanyak \$2,500,000, jika di-luluskan, bukan sahaja mencukupi anggaran bagi ranchangan ini tetapi juga boleh memberi kuasa sebanyak \$900,000, bagi lain2 perbelanjaan jika di-perlu.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kali yang ke-dua bagi tahun ini di-mana kita meminta kelulusan daripada Dewan ini untuk meminjam lebih banyak wang untuk membiayai ranchangan2 perumahan murah. Kita perchaya dalam menandingi, segala perkataan2 kita dengan segala perbuatan2 kita. Tidak-lah di-shakki lagi yang kita berchita2 untuk memberi segala kemudahan2 kepada ra'ayat tetapi di-samping itu kita perchaya di-atas kebenaran. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kita lebih suka membawa pada Dewan ini pada tiap2 kali kuasa meminjam di-kehendaki, daripada mempunyai kuasa meminjam yang berlebihan2 yang tidak guna.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengusulkan pindaan ini.

Member for Nibong Tebal (Tuan Haji Sahid bin Hassan): Tuan Speaker, saya menyokong.

Member for Kota (Dr. Lim Chong Eu): Mr. Speaker, Sir, on the previous occasions when the State put forward similar bills to enable it to borrow more and more money for low-cost housing, we have made certain observations. We have asked, for example, that the State should try and review its terms with the Central Government to enable these loans to be retained for rotating our development of low-cost housing. And we were told that this was not possible. Sir, in view of the fact that the Honourable the Chief Minister, in his policy speech introducing the budget, stated that our public debt charges are continuing to increase markedly, — and I think he referred to page 3 of the original revenue collection in 1966, we repaid loans of \$153 thousand. In 1967 we anticipate repaying loans of \$275 thousand. And if we look at the amount of revenue which we recover from

rent of low-cost housing, it amounts to \$115 thousand. We are in no position from the revenue estimates to find out exactly what percentage of the public debt is accrued from loans from the Central Government for low-cost housing. So we would like to know whether the State Government anticipates, in its proposal to borrow sums of money of this type, what further public debt increases we are going to incur in the future? That is the first point.

Secondly, Sir, we would like to find out whether the State Government, in negotiating with the Central Government, has also explored the possibilities of trying to ask for these very essential low-cost housing projects to be financed through the State, not from the point of view of loans alone, but also from the point of view of direct grants. That was why, Sir, earlier in the Supply Bill, I suggested that we should really press for a review of Articles 109 and 110, because low-cost housing is going to be a major issue with us. It has been a big issue with us for a long time, and I think from what the Honourable Member for Dhoby Ghaut has stated, this particular loan is projected for the development that is likely to take place in Butterworth, particularly in the Mak Mandin area. And low-cost housing is for that particular area — I mean it is in essential. There were other areas which he mentioned. So low-cost housing will become a very important issue especially if we think in terms of low-cost housing for industrial and port workers in the future. Therefore, Sir, if the Central Government cannot think in terms of changing the terms of the loans, let us say making the interest returns smaller; the period of the loans longer; allowing us to rotate the loans for other projects; will the Central

Government allow us, for example, to seek loans from elsewhere. Sir, there is a great amount of experience from the point of view of low-cost housing, and the period projection for the cost and the returns for low-cost housing which were obtained largely by the Minister for Local Government's experiences outside this country. He has gone out to seek how low-cost housing should be built. And there is also experience obtained during the time when Singapore was within the Federation, and the S.I.T. buildings, as the costs for building were also incorporated in the experience of Malaysia. So sometimes, it may not be economical from the point of view of building, and the point of view of returns to borrow small sums of money; coming to this House to borrow a few millions at this time, when the Government feels it has constituency demands, electorate demands to meet. But for the Government to have a proper project for development, therefore, the loans should be more. As a matter of fact, when the last similar bill was presented, I suggested the amount requested then was not enough. We should ask for more. Here again, I say that \$2.5 million is not enough. We should have a much bigger loan requirement; but we must find that the terms should be better; the sources should not be only restricted to the Federal Government. Thirdly, although it does not come under this bill in particular, but more on development projects, I think we should begin to look into new forms of low-cost housing, because I think, it is about time that the State Government begins to consider — I do not know whether it is so — for the projects over in the Chain Ferry and Mak Mandin area — you are thinking in terms of putting the buildings up or whether you are still putting little

units on a big area because cost of land is very high.

Sir, later on today, we have another similar bill, but this time asking for loans for acquisition of land. But I am certain part of the acquisition of that land is towards this low-cost housing project. So it is about time that the actual projection for low-cost housing be systematically looked into, so that the House does not have to come and pass bills in little bits and pieces. And each time it passes a bill like that, it gives the Member from Dhoby Ghaut a chance to put himself on the back. This time, I noticed, he did not thank the Central Government for helping it. He should because, in actual fact every single low-cost housing in Penang is not due to the actual revenue producing effort of the State Government, but largely from loans — miserable loans — from the Central Government. But at least we should thank them.

Sir, I feel that it is time for the State Government seriously to look into this question of low-cost housing and estimate how we can best meet out low-cost housing demands within the next five years; what type of buildings; what is the minimum cost for putting up houses, and also how to keep down the size of our public debt. We also have to think in terms of the rentals that are recovered for the buildings; whether or not building low-cost housing schemes on rental is a better scheme, or whether borrowing money to build houses for sale is a better scheme. It is also time for us to consider because as the Honourable the Chief Minister has explained, if we borrow money now and our public debt increases, the Alliance Government can go on cutting ribbons and building houses, but in future years we will have more

and more trouble with our Supply Bill and balancing our expenditure.

The Assembly adjourns
at 12.50 p.m.

The Assembly resumes
at 2.30 p.m.

Mr. Speaker: Bachaan kali kedua bagi tambahan pinjaman dari Perumahan Murah.

Member for Tanjong Selatan (Enche Khor Peng Seah): Tuan Yang di-Pertua, pada persidangan kali yang lalu pada masa kita memperdebatkan satu rang undang2 yang bagini juga kami telah mengatakan rumah2 murah yang di-dirikan oleh Kerajaan pada hari2 yang lalu tidak cukup untuk keseluruhan ra'ayat yang memerlukan rumah2 murah pada hari ini dan juga harus Kerajaan mempunyai ranchangan yang lengkap supaya tidak berkali2 mengemukakan undang2 atau rang undang2 yang sebegini. Kita harus sedar undang2 yang bagini sudah beberapa kali di-kemukakan dalam Dewan.

Kami menyokong rang undang ini dan juga kami menyokong Kerajaan mendirikan rumah2 murah dengan sebanyak2 yang boleh tetapi ada satu perkara yang saya mahu minta penjelasan dari Kerajaan ia-itu Majlis Bandar Raya pernah menhadangkan dan meminta Kerajaan Negeri dan juga Menteri Kerajaan Tempatan ia-itu Yang Berhormat Enche Khaw Kai Boh supaya meluluskan wang kepada Majlis Bandar Raya untuk mendirikan rumah2 murah di-atas sekeping tanah di-Rifle Range tetapi Kerajaan Negeri dan Menteri itu telah tolak ranchangan Majlis itu dan sekarang Kerajaan Negeri telah memberi sewa tanah itu kepada sa-orang contractor untuk mendirikan kilang di-sana. Dan kalau mengikut Polisi Majlis

Bandar Raya, tanah2 Majlis Bandar Raya tidak boleh di-sewa kepada siapa2 pun Y. A. B. Ketua Menteri selalu ada mengatakan pehak Kerajaan akan menerima nasihat pegawai2 tetapi pada hari ini di-atas soal ini mengapa Y.A.B. Ketua Menteri tidak menerima nasihat pegawai2 Majlis2. Ada-kah Y. A. B. Ketua Menteri merasa tempat itu ada-lah sesuai untuk mendirikan kilang dan ada apa perhubungan di-antara Y.A.B. Ketua Menteri, Menteri Kerajaan Tempatan itu dengan Contractor itu? Mengapa-kah Kerajaan membenarkan sewa tanah ini untuk mendirikan kilang dan tidak mahu mendirikan rumah2 murah di-sana? Dalam bandar kita sekarang, kita sedang menghadapi kekurangan tanah untuk mendirikan rumah2 murah. Saya tidak tahu mengapa tanah itu di-sewa kepada sa-orang contractor untuk mendirikan kilang. Saya harap dapat penjelasan yang terang dari pehak Kerajaan.

